

**Andrewson Ngalai dalam Transformasi Muzik Iban:
Dari Warisan ke Kekuatan Ekonomi**

Dr Patricia Ganing
Universiti Pendidikan Sultan Idris
patricia.ganing@gmail.com

Abstrak:

Kajian ini meneliti transformasi muzik Iban daripada warisan budaya kepada kekuatan ekonomi dalam industri kreatif melalui karya Andrewson Ngalai. Muzik Iban bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan tetapi turut memainkan peranan penting dalam memelihara bahasa, nilai dan identiti masyarakat Iban. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan teori semiotik oleh Charles Sanders Peirce bagi menganalisis makna dalam lirik lagu sebagai sistem tanda yang mencerminkan pemikiran dan budaya masyarakat. Data diperoleh melalui analisis lirik, temu bual, pemerhatian serta analisis kandungan digital di platform seperti YouTube dan TikTok. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Iban yang mengandungi ungkapan dan peribahasa berperanan sebagai medium pemeliharaan warisan budaya melalui lirik lagu. Selain itu, muzik Iban mengalami transformasi daripada medium tradisional kepada platform digital yang memperluaskan jangkauan penyebaran dan meningkatkan penerimaan audiens di peringkat lokal dan global. Peningkatan tontonan dan interaksi pengguna di platform digital turut menunjukkan wujudnya permintaan terhadap karya muzik Iban. Dalam masa yang sama, muzik ini berkembang sebagai produk ekonomi melalui monetisasi digital, persembahan pentas serta kerjasama komersial yang sekali gus menyumbang kepada peningkatan taraf hidup artis. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa muzik Iban bukan sahaja berfungsi sebagai medium pemeliharaan budaya tetapi turut berkembang sebagai kekuatan ekonomi dalam era digital. Transformasi ini memperlihatkan hubungan yang jelas antara warisan budaya, perubahan medium dan pembentukan nilai ekonomi dalam industri kreatif.

Kata Kunci: Budaya Iban, Muzik Iban, Semiotik , Ekonomi kreatif , Identiti budaya

Pengenalan:

Budaya Iban sememangnya kaya dengan seni lisan yang diwarisi secara turun-temurun dan berperanan penting dalam mengekalkan identiti serta kesinambungan budaya masyarakat. Pada peringkat awal, tradisi ini tidak menekankan bentuk nyanyian moden, sebaliknya berpusat kepada puisi tradisional seperti *pantun*, *leka main* dan penceritaan lisan yang berfungsi sebagai medium penyampaian nilai adat, kepercayaan serta pengalaman hidup. Seiring perkembangan masa, bentuk-bentuk ini mengalami transformasi kepada muzik dan lagu moden yang lebih tersusun dan komersial. Melalui lirik dan melodi, lagu Iban berupaya menggambarkan kehidupan sosial, hubungan kekeluargaan serta pandangan dunia masyarakat Iban, sekali gus menjadikannya sebagai satu bentuk komunikasi budaya yang signifikan, selaras dengan pandangan bahawa budaya berfungsi sebagai sistem representasi makna (Hall, 1997).

Dalam konteks ini, muzik tidak boleh dilihat secara terpisah daripada makna yang terkandung di dalamnya kerana setiap elemen dalam lagu membawa simbol dan tanda tertentu yang mencerminkan budaya masyarakat. Pendekatan ini selari dengan teori semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Sanders Peirce yang menekankan bahawa makna terhasil melalui hubungan antara tanda, objek dan interpretasi. Oleh itu, analisis terhadap muzik Iban perlu mengambil kira aspek makna tersirat dalam lirik sebagai representasi budaya. Perkembangan semasa menunjukkan bahawa muzik Iban turut mengalami transformasi daripada sekadar warisan budaya kepada sumber ekonomi dalam industri kreatif. Kemunculan platform digital serta peluang dalam persembahan pentas dan festival telah membuka ruang kepada pengkarya tempatan untuk menjana pendapatan melalui muzik.

Andrewson Ngalai merupakan antara tokoh penting dalam memperkasa muzik Iban melalui pendekatan moden tanpa mengabaikan unsur tradisional. Beliau dikenali sebagai artis Iban yang sangat berpengaruh dalam industri muzik tempatan. Sepanjang penglibatannya dalam dunia seni, Andrewson Ngalai telah menghasilkan lebih daripada 40 buah album serta ratusan lagu sama ada dinyanyikan sendiri mahupun diterbitkan untuk artis-artis di bawah naungannya. Kejayaan ini membuktikan komitmen dan sumbangan besarnya terhadap perkembangan muzik Iban di Malaysia. Antara lagu beliau yang paling terkenal ialah Biar Bekikis Bulu Betis, sebuah lagu yang bukan sahaja menjadi siulan masyarakat Iban malah turut mendapat perhatian pendengar di seluruh Malaysia dan luar negara. Populariti lagu tersebut memperlihatkan bahawa muzik etnik Iban mampu menembusi pasaran yang lebih luas serta diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan latar budaya. Keistimewaan Andrewson Ngalai bukan hanya terletak pada bakat nyanyiannya tetapi juga pada kebolehannya menguasai pelbagai aspek dalam industri muzik. Beliau berperanan sebagai penyanyi, pencipta lagu, penerbit, jururakam, pengarah penggambaran video muzik serta pengusaha studio rakaman sendiri. Keupayaan mengendalikan hampir keseluruhan proses penghasilan muzik secara berdikari menunjukkan tahap kreativiti, kemahiran teknikal dan semangat keusahawanan yang tinggi. Melalui studio rakamannya sendiri, beliau bukan sahaja menghasilkan karya untuk dirinya, malah membantu melahirkan dan mempromosikan bakat-bakat baharu dalam industri muzik Iban. Karya-karya beliau bukan sahaja mengekalkan elemen

budaya dalam lirik dan gaya persembahan, malah berjaya menembusi platform digital seperti YouTube sekali gus memperluas capaian audiens dan meningkatkan nilai komersial muzik Iban.

Selain itu, penggunaan platform digital dan media sosial turut membantu Andrewson Ngalai memperluaskan pengaruh muzik Iban ke peringkat yang lebih tinggi. Pendekatan moden yang digunakan dalam rakaman, penghasilan video muzik dan strategi pemasaran telah menjadikan karya beliau lebih dekat dengan generasi muda. Walaupun mengetengahkan unsur moden, beliau masih mengekalkan penggunaan bahasa Iban, nilai budaya serta identiti masyarakat Dayak dalam lagu-lagunya. Keadaan ini memperlihatkan bagaimana unsur tradisional berjaya disesuaikan dengan kehendak industri muzik moden tanpa menghilangkan identiti asal budaya tersebut. Peranan Andrewson Ngalai juga mencerminkan bagaimana muzik Iban berfungsi dalam dua dimensi utama, iaitu sebagai medium pemeliharaan warisan budaya dan sebagai sumber ekonomi dalam era digital. Melalui lagu-lagu yang dihasilkan, unsur budaya seperti bahasa, adat, nilai masyarakat dan identiti etnik terus dipertahankan serta diperkenalkan kepada generasi muda dan masyarakat luar.

Kejayaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada pengukuhan identiti budaya masyarakat Iban serta membuka peluang ekonomi kepada komuniti, sejajar dengan konsep ekonomi budaya yang menekankan nilai ekonomi dalam produk seni (Throsby, 2001). Dalam konteks ini, muzik bukan lagi dilihat semata-mata sebagai warisan budaya tetapi turut berfungsi sebagai aset budaya yang mempunyai potensi komersial dan nilai pasaran. Perubahan ini jelas menunjukkan berlakunya proses transformasi muzik Iban daripada medium warisan budaya kepada satu bentuk kekuatan ekonomi dalam era digital yang dapat dilihat secara signifikan melalui peranan artis seperti Andrewson Ngalai.

Perubahan ini memperlihatkan bahawa muzik Iban tidak lagi berfungsi semata-mata sebagai medium hiburan dan warisan budaya tetapi telah berkembang menjadi satu bentuk kekuatan ekonomi dalam era digital. Dalam konteks tersebut, Andrewson Ngalai muncul sebagai antara tokoh penting yang berjaya mentransformasikan muzik Iban melalui penggabungan unsur tradisional, teknologi moden dan strategi industri kreatif. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti secara menyeluruh peranan muzik Iban dalam konteks warisan dan ekonomi, khususnya dengan mengenal pasti fungsi lagu sebagai medium pemeliharaan budaya, menganalisis sumbangannya sebagai sumber ekonomi dalam industri kreatif, serta menilai pengaruhnya terhadap pembentukan identiti dan penyatuan komuniti Iban.

Sorotan Literatur

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa muzik memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti budaya sesebuah masyarakat. Menurut Stuart Hall, budaya dapat difahami sebagai satu sistem representasi makna yang dibentuk melalui simbol, bahasa dan pelbagai bentuk ekspresi sosial (Hall, 1997). Dalam konteks ini, muzik bukan sekadar hiburan, tetapi berfungsi sebagai medium komunikasi budaya yang menyampaikan nilai, norma serta pengalaman kolektif masyarakat. Melalui lirik dan melodi, muzik menggambarkan pandangan dunia, hubungan sosial serta identiti sesuatu komuniti, sekali gus memperkukuh kesinambungan budaya. Dalam konteks

muzik Iban, peranan ini dapat dilihat melalui perkembangan lagu-lagu moden yang terus membawa unsur identiti dan nilai budaya ke dalam bentuk yang lebih kontemporari.

Dalam konteks masyarakat Iban pula, tradisi seni lisan memainkan peranan penting dalam membentuk dan mengekalkan adat serta budaya. Kajian oleh Vinson Sutlive menunjukkan bahawa bentuk-bentuk seperti leka main, pantun dan penceritaan lisan berfungsi sebagai medium penyampaian nilai, norma dan pengalaman hidup masyarakat (Sutlive, 1992). Selain itu, Clifford Sather menjelaskan bahawa tradisi lisan Iban turut mempunyai makna simbolik yang berkait rapat dengan kepercayaan dan pandangan dunia masyarakat (Sather, 2001). Bentuk-bentuk ini menjadi asas kepada perkembangan muzik Iban moden, dengan unsur bahasa, gaya penyampaian dan makna budaya terus dikekalkan dalam lagu-lagu kontemporari. Peralihan daripada tradisi lisan kepada bentuk lagu moden ini memperlihatkan kesinambungan budaya yang masih kekal walaupun bentuk penyampaiannya berubah.

Seiring dengan perkembangan globalisasi, muzik tradisional turut mengalami perubahan yang ketara daripada bentuk asal kepada bentuk yang lebih moden dan komersial. Menurut Timothy D. Taylor, globalisasi telah memperluas peredaran muzik merentasi sempadan budaya melalui teknologi dan media massa, sekali gus mengubah cara muzik dihasilkan, diedarkan dan diterima oleh khalayak (Taylor, 1997). Perkembangan ini turut diperkukuh oleh kemajuan teknologi digital yang membolehkan muzik tradisional diadaptasi ke dalam bentuk rakaman moden serta disebarluaskan melalui platform dalam talian. Selain itu, Simon Frith (1996) menyatakan bahawa muzik dalam era moden bukan sahaja mencerminkan identiti budaya tetapi juga dipengaruhi oleh industri dan pasaran yang membentuk citarasa pendengar. Dalam situasi ini, muzik Iban turut menyesuaikan diri dengan perubahan semasa, termasuk dari segi gaya persembahan dan medium penyebaran, sehingga mampu menjangkau khalayak yang lebih luas.

Dari sudut teori, pendekatan semiotik sering digunakan untuk memahami makna dalam muzik. Charles Sanders Peirce menjelaskan bahawa makna terbentuk melalui hubungan antara tanda (sign), objek dan interpretasi (interpretant). Dalam konteks muzik, lirik dan melodi boleh dilihat sebagai tanda yang membawa makna berkaitan adat, kepercayaan dan pengalaman hidup masyarakat. Pendekatan ini membantu menjelaskan bagaimana unsur budaya disampaikan dan difahami melalui muzik. Dalam perkembangan muzik Iban moden, makna budaya ini tidak hilang, sebaliknya terus disesuaikan dengan konteks semasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa transformasi muzik bukan sekadar perubahan bentuk, tetapi juga melibatkan penafsiran semula makna budaya dalam usaha mengekalkan relevansinya, termasuk dalam aspek ekonomi. Dalam konteks kajian ini, perbincangan tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas melalui karya Andrewson Ngalai yang mencerminkan proses transformasi muzik Iban dalam era digital.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk interpretatif bagi meneliti transformasi muzik Iban daripada warisan budaya kepada kekuatan ekonomi

dalam era digital. Pendekatan ini dipilih kerana kajian memberi tumpuan kepada pemahaman makna, nilai dan pengalaman budaya yang terkandung dalam muzik serta menelusuri perubahan fungsi muzik dalam konteks sosial dan ekonomi semasa. Dari segi kerangka teori, kajian ini berasaskan pendekatan semiotik oleh Charles Sanders Peirce (1931–1958) yang menekankan hubungan triadik antara tanda (sign), objek (object) dan interpretant dalam pembentukan makna. Pendekatan ini diaplikasikan bagi menganalisis lirik lagu sebagai sistem tanda yang mencerminkan nilai, kepercayaan dan pemikiran masyarakat Iban, khususnya melalui penggunaan bahasa kiasan, metafora dan simbol budaya.

Bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan, kajian ini mengaplikasikan kaedah triangulasi data melalui tiga sumber utama. Pertama, analisis teks dilakukan terhadap dua lagu terpilih oleh Andrewson Ngalai, iaitu *Biar Bekikis Bulu Betis* dan *Adong Belalai*. Pemilihan lagu adalah berdasarkan populariti serta kandungan lirik yang sarat dengan unsur budaya seperti peribahasa, simbol dan pengalaman hidup masyarakat Iban. Analisis ini memberi tumpuan kepada struktur bahasa, penggunaan metafora serta representasi nilai budaya dalam lirik dengan menggunakan kerangka semiotik untuk mentafsir makna tersirat.

Kedua, data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan rujukan dokumen bagi memahami perkembangan muzik Iban sebagai sumber ekonomi. Temu bual melibatkan penggiat muzik tempatan dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri muzik Iban termasuk peminat dan pemerhati budaya. Fokus temu bual adalah terhadap proses penghasilan karya, strategi penyebaran serta pengalaman dalam memanfaatkan platform digital seperti YouTube dan TikTok sebagai medium promosi dan penjana pendapatan. Data ini dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola transformasi muzik dalam industri kreatif.

Ketiga, kaedah pemerhatian digunakan bagi menilai pengaruh muzik terhadap komuniti, khususnya dalam konteks penyertaan sosial, pembentukan identiti dan penerimaan budaya. Pemerhatian ini merangkumi analisis kandungan digital di media sosial termasuk video yang menggunakan lagu *Biar Bekikis Bulu Betis* di platform TikTok. Analisis ini memberi perhatian kepada bentuk penggunaan lagu, lokasi geografi, serta interaksi audiens seperti tontonan, perkongsian dan penglibatan pengguna.

Selain itu, kajian ini turut mengintegrasikan analisis ekosistem digital dengan meneliti data sekunder seperti jumlah tontonan, kadar interaksi dan pola penyebaran kandungan di platform dalam talian, khususnya YouTube. Data tontonan dianalisis bagi tempoh tertentu untuk mengenal pasti tahap penerimaan audiens serta hubungannya dengan potensi nilai ekonomi karya muzik. Semua data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik yang melibatkan proses pengkodan terbuka (*open coding*), pengelompokan kategori dan pembentukan tema utama. Secara keseluruhannya, gabungan pendekatan kualitatif, analisis semiotik, triangulasi data dan analisis digital ini membolehkan kajian dijalankan secara menyeluruh, sistematik dan berlapis. Pendekatan ini bukan sahaja menjelaskan fungsi muzik sebagai warisan budaya, tetapi juga membolehkan pembentukan model kajian yang memperlihatkan hubungan antara bahasa sebagai warisan budaya, transformasi medium digital dan penghasilan nilai ekonomi dalam industri kreatif.

Dapatan dan Perbincangan:


Dapatan kajian menunjukkan bahawa muzik Iban, khususnya melalui karya Andrewson Ngalai memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan masyarakat merangkumi aspek pemeliharaan budaya, transformasi digital dan pembentukan nilai ekonomi. Berdasarkan analisis yang berteraskan pendekatan semiotik oleh Charles Sanders Peirce, lagu tidak hanya berfungsi sebagai medium hiburan tetapi merupakan sistem tanda yang sarat dengan makna budaya, nilai sosial dan identiti etnik. Selain itu, perkembangan industri muzik dan kemajuan teknologi digital memperlihatkan perubahan fungsi muzik daripada warisan budaya kepada medium yang mempunyai potensi ekonomi dalam industri kreatif. Dalam konteks ini, muzik Iban bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan bahasa dan nilai tradisional tetapi turut berperanan dalam memperluaskan jangkauan budaya serta membentuk penerimaan audiens di peringkat yang lebih luas. Perkembangan ini secara tidak langsung menyumbang kepada pembentukan kesedaran budaya, perpaduan sosial dan jati diri dalam kalangan masyarakat Iban. Sehubungan itu, dapatan kajian ini dihuraikan berdasarkan tiga aspek utama, iaitu (i) bahasa Iban sebagai medium pemeliharaan warisan budaya, (ii) transformasi muzik Iban daripada medium tradisional kepada digital, dan (iii) muzik Iban sebagai produk ekonomi dalam industri kreatif.

i. Bahasa Iban sebagai Medium Pemeliharaan Warisan Budaya

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lagu memainkan peranan yang signifikan sebagai medium pemeliharaan budaya dalam masyarakat Iban melalui penggunaan bahasa dalam lirik serta makna tersirat yang terkandung dalam sesebuah karya. Bahasa yang digunakan bukan sekadar alat komunikasi tetapi turut membawa nilai, norma dan identiti masyarakat Iban (Asmah Haji Omar, 2008). Dalam hal ini, lirik lagu berfungsi sebagai tanda (*sign*) yang mengandungi makna budaya kerana setiap ungkapan, metafora dan simbol merupakan representasi kepada pengalaman hidup masyarakat. Misalnya, ungkapan “*adong belalai*” dalam lirik lagu Andrewson Ngalai memperlihatkan penggunaan bahasa kiasan yang kaya dengan makna tersirat. Dalam konteks masyarakat Iban, *adong* merujuk kepada sejenis ikan pemangsa yang gemar memakan ikan lain. Sifat ini kemudiannya dipindahkan secara metafora untuk menggambarkan perilaku manusia, khususnya sikap tidak setia dalam hubungan. Hal ini dapat dilihat melalui lirik “*Belanja ti aku beri, ku kirum ke nuan ambai, patut belanja enda chukup, nuan bisi adong belalai*” yang menggambarkan keluhan seorang lelaki terhadap pasangannya.

Dalam kerangka semiotik Charles Sanders Peirce, ungkapan “*adong belalai*” berfungsi sebagai *sign* yang merujuk kepada sifat ikan pemangsa sebagai objek (*object*), manakala interpretant terbentuk apabila pendengar mentafsir ungkapan tersebut sebagai simbol kepada kecurangan atau kewujudan hubungan lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa dalam lagu bukan sahaja menyampaikan makna secara literal, tetapi turut membentuk pemahaman budaya melalui proses interpretasi (Peirce, 1931–1958). Melalui pendekatan ini, bahasa dalam lagu bertindak sebagai medium yang memastikan warisan budaya terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi baharu. Penggunaan bahasa Iban dalam muzik menjadikan nilai dan pengalaman masyarakat dapat disampaikan secara tidak langsung, sekali gus

membuktikan bahawa lagu berfungsi sebagai ruang penyimpanan dan penyebaran budaya dalam bentuk yang lebih menarik serta mudah diakses. Hal ini selari dengan pandangan bahawa bahasa dan budaya mempunyai hubungan yang tidak terpisah dalam pembentukan identiti sesuatu masyarakat (Kramsch, 1998). Berikut digambarkan secara ringkas menggunakan hubungan triadik ungkapan adong belalai:




Rajah 1: Hubungan Triadik antara tanda, objek dan interpretasi dalam lagu *Adong Belalai*

Rajah 1 menunjukkan bahawa ungkapan “*adong belalai*” berfungsi dalam pemeliharaan budaya melalui sistem tanda yang difahami dalam konteks masyarakat Iban. Berdasarkan pendekatan semiotik Charles Sanders Peirce, makna tidak wujud secara langsung dalam lirik. Sebaliknya dibentuk melalui interaksi antara tanda, objek dan interpretant. Dalam konteks ini, ungkapan tersebut mencerminkan pengalaman dan pengetahuan budaya masyarakat Iban dipindahkan ke dalam bentuk bahasa kiasan yang dapat difahami oleh pendengar yang berkongsi latar budaya yang sama. Keupayaan pendengar untuk mentafsir makna ungkapan ini bergantung kepada tahap kefahaman mereka terhadap konteks budaya Iban. Individu yang biasa dengan penggunaan peribahasa akan lebih mudah menangkap mesej yang disampaikan, sekali gus membuktikan bahawa lagu berperanan sebagai medium penyimpanan dan penyebaran pengetahuan budaya. Melalui proses ini, nilai dan norma masyarakat tidak diajar secara langsung, tetapi diserap secara tidak formal melalui pengalaman mendengar dan menghayati lagu.

Selain itu, penggunaan ungkapan “*biar bekikis bulu betis*” dalam lirik lagu Andrewson Ngalai turut memperlihatkan fungsi bahasa sebagai medium pemeliharaan budaya melalui perumpamaan tradisional. Peribahasa ini menggambarkan nilai kegigihan, ketabahan dan kesanggupan seseorang untuk berusaha walaupun menghadapi kesukaran. Dari segi makna, ungkapan ini mempunyai persamaan dengan

peribahasa Melayu “biar putih tulang, jangan putih mata” yang menekankan keberanian dan keteguhan prinsip. Hal ini selari dengan pandangan bahawa peribahasa berfungsi sebagai wahana penyampaian nilai, norma dan falsafah hidup yang diwarisi secara turun-temurun (Asmah Haji Omar, 2008).

Dalam kerangka semiotik Charles Sanders Peirce, ungkapan “*biar bekikis bulu betis*” berfungsi sebagai tanda (sign) dalam bentuk peribahasa dengan objek yang merujuk kepada pengalaman hidup yang menuntut usaha berterusan serta pengorbanan. Interpretant pula terbentuk apabila pendengar mentafsir ungkapan tersebut sebagai simbol kepada sikap tidak mudah berputus asa dan berani menghadapi cabaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kiasan dalam lagu bukan sahaja memperkayakan estetika lirik, tetapi turut berperanan dalam mengekalkan dan menyampaikan nilai budaya masyarakat Iban kepada generasi baharu. Berikut ringkasan berkaitan dengan peribahasa tersebut dalam hubungan triadik semiotik:



Rajah 2: Hubungan Triadik antara tanda, objek dan interpretasi peribahasa *Biar Bekikis Bulu Betis* dalam lagu Andrewson Ngalai


Rajah 2 memperlihatkan hubungan triadik antara tanda, objek dan interpretasi bagi peribahasa “*biar bekikis bulu betis*” dalam lirik lagu Andrewson Ngalai. Berdasarkan kerangka semiotik Charles Sanders Peirce, rajah ini menunjukkan bahawa makna peribahasa tersebut tidak disampaikan secara langsung, sebaliknya difahami melalui proses interpretasi pendengar yang dipengaruhi oleh konteks budaya. Tafsiran ini terbentuk melalui kefahaman terhadap makna tersirat dalam perumpamaan tersebut, sekali gus memperlihatkan bahawa penggunaan peribahasa dalam lagu berfungsi sebagai medium pemeliharaan bahasa tradisional. Melalui penyampaian dalam bentuk muzik, unsur budaya ini dapat diwariskan kepada generasi baharu secara tidak formal. Pendengar yang mempunyai latar budaya Iban akan lebih mudah memahami maksudnya, manakala generasi muda yang terdedah kepada lagu tersebut secara tidak langsung dapat mempelajari nilai budaya tanpa melalui pendidikan formal. Oleh itu, ungkapan “*biar bekikis bulu betis*” bukan sahaja

memperkayakan estetika bahasa dalam lirik lagu tetapi turut berperan sebagai medium pemeliharaan budaya yang mengekalkan nilai kegigihan, keberanian dan ketabahan dalam masyarakat Iban.


Justeru, kejayaan muzik Iban tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya didorong oleh kebijaksanaan Andrewson Ngalai dalam mentransformasikan bahasa Iban yang sarat dengan ungkapan dan peribahasa ke dalam bentuk lirik lagu yang relevan dengan kehidupan semasa. Penggunaan bahasa kiasan ini bukan sahaja mengekalkan nilai dan identiti budaya, malah berfungsi sebagai medium penyampaian makna secara tersirat, selari dengan pendekatan semiotik Charles Sanders Peirce yang menegaskan bahawa makna dibentuk melalui hubungan antara tanda, objek dan interpretasi. Penerimaan masyarakat terhadap lirik yang berasaskan ungkapan dan peribahasa Iban menunjukkan bahawa elemen budaya tradisional masih mempunyai fungsi dalam konteks moden, sekali gus menyumbang kepada peningkatan populariti lagu. Populariti ini seterusnya menjana nilai ekonomi apabila karya tersebut mendapat permintaan, termasuk melalui persembahan dan penjualan muzik. Oleh itu, transformasi daripada bahasa Iban kepada lagu membuktikan bahawa warisan budaya bukan sahaja dapat dipelihara, tetapi turut berkembang sebagai kekuatan ekonomi dalam industri kreatif.

ii. Transformasi Muzik Iban daripada Medium Tradisional kepada Digital

Transformasi muzik Iban memperlihatkan unsur warisan budaya telah disesuaikan ke dalam medium digital yang lebih luas dan dinamik. Dalam konteks ini, karya Andrewson Ngalai menjadi contoh jelas yang menunjukkan bahawa kandungan budaya tempatan yang mengandungi peribahasa, simbol dan nilai tradisional diolah dalam bentuk muzik kontemporari yang mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat. Lagu-lagu tersebut tidak lagi terhad kepada penyampaian lisan atau persembahan komuniti, sebaliknya dipindahkan ke platform digital seperti YouTube dan TikTok. Peralihan ini dapat dilihat melalui perubahan bentuk penyampaian muzik dari semasa ke semasa. Pada peringkat awal, lagu-lagu disampaikan secara audio dan persembahan langsung dalam komuniti. Namun, selaras dengan perkembangan teknologi, karya Andrewson Ngalai kemudiannya diadaptasi melalui penghasilan video klip dan diedarkan dalam bentuk *Video Compact Disc* (VCD) sebagai medium fizikal. Perkembangan ini seterusnya beralih kepada platform digital yang membolehkan penyebaran muzik berlaku secara lebih pantas, meluas dan tanpa sempadan. Berikut diringkaskan berkenaan transformasi muzik Iban yang dilalui oleh Andrewson Ngalai sepanjang karier nya:



Transformasi ini bukan sahaja memperluaskan jangkauan penyebaran budaya tetapi turut mengubah cara muzik Iban diterima oleh audiens. Lagu-lagu yang sarat dengan makna budaya kini boleh ditonton, dikongsi dan ditafsir oleh pengguna dari pelbagai latar belakang sekali gus memperlihatkan peralihan daripada medium tradisional kepada medium digital yang bersifat global. Peningkatan tontonan di platform seperti YouTube mencerminkan tahap penerimaan masyarakat serta menunjukkan bahawa kandungan budaya tempatan masih relevan dalam konteks moden. Berikut merupakan rajah berkaitan analisis terhadap tontonan peminat terhadap lagu-lagu Andrewson Ngalai melalui platform YouTube:




Rajah 3: Carta Pai Peratusan Kategori Tontonan Lagu Andrewson Ngalai di Platform YouTube

Rajah 3 menunjukkan analisis pola tontonan lagu-lagu Andrewson Ngalai di platform YouTube sebagai manifestasi penerimaan budaya dalam era media baharu. Tontonan dikategorikan kepada empat tahap bagi menilai sejauh mana karya muzik Iban diterima oleh audiens digital. Lagu-lagu beliau yang sarat dengan nilai

kekeluargaan, adat dan pengalaman hidup masyarakat Iban memperlihatkan hubungan rapat antara kandungan budaya dan penerimaan pendengar. Lagu dengan tontonan sangat tinggi khususnya karya lama menunjukkan pengaruh yang kuat terhadap memori kolektif dan identiti budaya. Manakala kategori tontonan tinggi dan sederhana mencerminkan kesinambungan makna dalam konteks moden serta penerimaan dalam kalangan generasi muda. Lagu bertontonan rendah pula masih dalam proses mendapatkan perhatian audiens, namun mempunyai potensi untuk berkembang dalam persekitaran digital. Keadaan ini memperlihatkan bahawa transformasi medium penyebaran daripada tradisional kepada digital bukan sahaja memperluaskan jangkauan muzik Iban tetapi turut mengubah fungsinya daripada sekadar ekspresi budaya kepada kandungan yang mempunyai nilai pasaran. Justeru, pola tontonan ini menjadi indikator penting yang menghubungkan penerimaan budaya dengan potensi pembentukan nilai ekonomi dalam industri kreatif.

Sejajar dengan dapatan tersebut, analisis seterusnya meneliti penggunaan lagu oleh Andrewson Ngalai di platform TikTok sebagai manifestasi penyebaran muzik Iban dalam medium digital. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan lagu *Biar Bekikis Bulu Betis* tersebar secara meluas merentasi pelbagai lokasi, dengan dominasi tertinggi di Sarawak, diikuti oleh Sabah, Semenanjung Malaysia dan luar negara. Di Sarawak, penggunaan lagu ini banyak dikaitkan dengan konteks budaya tempatan seperti sambutan Gawai, majlis keramaian dan aktiviti komuniti, sekali gus memperlihatkan fungsinya sebagai simbol identiti budaya yang masih diamalkan dalam kehidupan seharian. Di Sabah dan Semenanjung Malaysia, lagu ini lebih digunakan dalam bentuk hiburan digital seperti tarian, nyanyian semula dan kandungan kreatif, yang menunjukkan penerimaan merentas etnik dan budaya. Sementara itu, di peringkat antarabangsa, penggunaan lagu ini oleh komuniti serantau dan diaspora mencerminkan penyebaran budaya Iban dalam konteks global. Keadaan ini membuktikan bahawa platform digital seperti TikTok berperanan penting dalam mentransformasikan muzik Iban daripada medium tradisional kepada fenomena digital yang bersifat global, sekali gus memperluaskan jangkauan budaya dan membuka potensi kepada pembentukan nilai dalam industri kreatif. Berikut merupakan ringkasan analisis penggunaan lagu di platform TikTok:



**Rajah 4: Pengagihan Kandungan TikTok Lagu “Biar Bekikis Bulu Betis”
mengikut Lokasi**

Berdasarkan analisis kandungan TikTok pada rajah 4, pengagihan penggunaan lagu Biar Bekikis Bulu Betis oleh Andrewson Ngalai menunjukkan dominasi tertinggi di Sarawak sebanyak 45%, diikuti oleh Semenanjung Malaysia (25%), Sabah (20%) dan luar negara (10%). Peratusan tertinggi di Sarawak memperlihatkan bahawa lagu ini masih berakar kuat dalam konteks budaya asal serta diamalkan secara aktif dalam kehidupan seharian masyarakat. Kandungan TikTok di Sarawak kebanyakannya berkait rapat dengan konteks budaya tempatan seperti sambutan Gawai, majlis keramaian dan aktiviti komuniti. Video yang dihasilkan sering memaparkan tarian berkumpulan, suasana rumah panjang serta interaksi sosial yang aktif, sekali gus menunjukkan bahawa lagu ini berfungsi sebagai simbol identiti budaya dan alat penyatuan dalam komuniti Iban. Keadaan ini menandakan kedudukannya sebagai “lagu budaya hidup” yang terus diamalkan dalam kehidupan seharian.

Di Sabah, lagu ini lebih digunakan dalam bentuk hiburan santai seperti video tarian, nyanyian semula (lip-sync) dan kandungan komedi. Walaupun tidak berasal sepenuhnya daripada komuniti Iban, pengguna di Sabah tetap menerima lagu ini sebagai sebahagian daripada budaya serantau Borneo. Hal ini menunjukkan wujudnya keserupaan budaya serta keterbukaan masyarakat terhadap muzik etnik lain dalam ruang digital. Di Semenanjung Malaysia pula, penggunaan lagu ini lebih bersifat trend dan hiburan umum. Banyak video memaparkan pengguna daripada pelbagai kaum yang menari atau menggunakan lagu ini sebagai latar belakang kandungan kreatif, sekali gus membuktikan bahawa lagu tersebut telah berjaya merentas sempadan bahasa dan etnik. Malah, pengguna yang tidak memahami bahasa Iban tetap tertarik kepada rentak dan elemen muziknya yang rancak. Fenomena ini turut disokong oleh penggunaan lagu tersebut dalam acara berskala nasional seperti sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Putrajaya.

Di peringkat antarabangsa, kandungan TikTok menunjukkan penglibatan pengguna dari kawasan seperti Indonesia (Kalimantan), Brunei serta komuniti diaspora Malaysia. Video yang dihasilkan merangkumi reaksi, tarian dan penghargaan terhadap lagu tersebut, sekali gus memperlihatkan bahawa lagu ini bukan sahaja menjadi simbol identiti Iban, tetapi juga identiti serumpun Dayak dan Nusantara. Dalam konteks global, TikTok memainkan peranan penting dalam memperluaskan jangkauan lagu tempatan ke peringkat antarabangsa. Analisis ini menunjukkan bahawa Biar Bekikis Bulu Betis telah berkembang daripada lagu etnik kepada fenomena digital yang merentasi sempadan geografi dan budaya. Di Sarawak, lagu ini kekal sebagai simbol identiti; di Sabah, ia berfungsi sebagai medium hiburan serantau; di Semenanjung Malaysia, ia menjadi alat integrasi nasional; manakala di peringkat antarabangsa, ia mencerminkan globalisasi budaya Iban. Dapatan ini mengukuhkan bahawa muzik yang dibawakan oleh Andrewson Ngalai bukan sahaja menghubungkan masyarakat tempatan, tetapi turut memperluaskan jaringan budaya ke peringkat nasional dan global melalui platform digital.

Ekoran daripada peningkatan tontonan di platform digital seperti YouTube dan TikTok, populariti artis seperti Andrewson Ngalai menjadi semakin kukuh dan secara langsung menyumbang kepada aspek ekonomi. Tontonan yang tinggi bukan

sahaja berfungsi sebagai sumber pendapatan melalui monetisasi digital seperti pengiklanan dan penstriman, tetapi turut mencerminkan sokongan peminat yang mengukuhkan kedudukan artis dalam industri. Apabila sesebuah lagu mendapat perhatian meluas, visibiliti artis meningkat dan membuka peluang kepada pelbagai sumber pendapatan lain seperti jemputan persembahan, kerjasama komersial dan penajaan. Dalam masa yang sama, penglibatan dalam festival kebudayaan dan program hiburan memperluas ruang promosi sambil menjana pulangan ekonomi, sekali gus menunjukkan bahawa muzik kini beroperasi dalam ekosistem yang lebih dinamik. Dalam konteks ini, artis bukan sahaja berperanan sebagai pengkarya tetapi juga sebagai usahawan budaya yang mengurus penghasilan, promosi dan pemasaran karya secara strategik. Keupayaan menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan kehendak pasaran menjadi faktor penting bagi memastikan kelangsungan kerjaya, selari dengan pandangan David Hesmondhalgh bahawa industri budaya melibatkan penghasilan dan pengedaran produk simbolik yang mempunyai nilai ekonomi serta dipengaruhi oleh struktur pasaran dan teknologi (Hesmondhalgh, 2019).

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa transformasi muzik Iban melalui platform digital bukan sahaja memperluaskan jangkauan budaya, tetapi turut menjadikannya sebagai sumber ekonomi yang berdaya saing. Oleh itu, karya Andrewson Ngalai membuktikan bahawa muzik Iban telah berkembang daripada warisan budaya kepada satu kekuatan ekonomi dalam industri kreatif, selaras dengan fokus kajian ini.

iii. Muzik Iban sebagai Produk Ekonomi dalam Industri Kreatif

Dapatan kajian menunjukkan bahawa muzik Iban telah berkembang sebagai satu produk ekonomi yang mempunyai nilai pasaran dalam industri kreatif. Peningkatan tontonan lagu di platform digital seperti YouTube dan TikTok mencerminkan wujudnya permintaan yang tinggi dalam kalangan pendengar (Cunningham & Craig, 2019). Dalam konteks ini, karya Andrewson Ngalai bukan sahaja diterima sebagai hiburan tetapi turut berfungsi sebagai kandungan digital yang boleh dimonetisasi melalui pengiklanan, penstriman dan sokongan audiens. Keadaan ini membuktikan bahawa tontonan yang tinggi berperanan sebagai indikator penting kepada nilai pasaran sesuatu karya muzik selaras dengan pandangan Towse (2010) yang menekankan hubungan antara permintaan dan nilai ekonomi dalam industri kreatif.

Seiring dengan peningkatan populariti tersebut, muzik Iban turut membuka peluang kepada pelbagai bentuk pendapatan lain seperti jemputan persembahan, kerjasama komersial dan penajaan. Dalam hal ini, kejayaan ekonomi artis dapat dilihat melalui peningkatan taraf hidup, termasuk keupayaan untuk memiliki aset seperti rumah dan mengusahakan kebun yang mencerminkan kestabilan ekonomi hasil daripada penglibatan aktif dalam industri muzik. Perkembangan ini menunjukkan bahawa muzik bukan sahaja menjadi medium ekspresi budaya, tetapi turut berfungsi sebagai sumber rezeki yang berdaya saing dalam konteks semasa seperti yang diuraikan oleh Howkins (2001) dalam konsep ekonomi kreatif.

Selain itu, dalam konteks tempatan, perkembangan industri kreatif di Malaysia turut menunjukkan bahawa produk budaya berpotensi menjadi sumber ekonomi

apabila disokong oleh teknologi dan pasaran digital. Menurut Kamarudin Ngah dan Rahimah Abdul Aziz (2017), industri kreatif di Malaysia semakin berkembang melalui integrasi budaya dan teknologi, sekali gus membuka peluang ekonomi kepada penggiat seni tempatan. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan lagu Iban seperti “*Biar Bekikis Bulu Betis*” dalam acara berskala nasional seperti sambutan Hari Kebangsaan pada tahun 2024 yang bukan sahaja meningkatkan visibiliti artis tetapi juga memperkukuh kedudukan muzik etnik dalam arus perdana.

Pada masa yang sama, penyebaran lagu ke peringkat antarabangsa melalui platform digital memperlihatkan pengaruh yang semakin meluas, sekali gus membuka peluang pasaran baharu di luar negara selari dengan pandangan Flew (2012) mengenai globalisasi industri kreatif. Fenomena ini memperlihatkan berlakunya proses komodifikasi budaya, iaitu apabila unsur warisan seperti bahasa, ungkapan dan peribahasa ditransformasikan menjadi produk muzik yang mempunyai nilai ekonomi. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa muzik Iban telah berkembang daripada warisan budaya kepada satu kekuatan ekonomi yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri kreatif serta meningkatkan kesejahteraan artis tempatan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa lagu Iban bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan, tetapi merupakan satu sistem makna budaya yang mencerminkan nilai, norma dan pengalaman hidup masyarakat. Melalui analisis terhadap karya Andrewson Ngalai, jelas bahawa muzik berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan warisan budaya dengan perkembangan ekonomi semasa. Lirik lagu yang sarat dengan bahasa kiasan dan simbol memperlihatkan bagaimana unsur budaya tradisional terus dipelihara dan disampaikan kepada generasi baharu. Pendekatan semiotik Charles Sanders Peirce pula terbukti berkesan dalam membantu memahami hubungan antara lirik dan budaya, khususnya melalui interaksi antara tanda, objek dan interpretant yang membentuk makna dalam konteks masyarakat Iban. Melalui pendekatan ini, makna tersirat dalam lirik dapat ditafsir secara lebih mendalam, sekali gus memperlihatkan kekayaan pemikiran budaya yang terkandung dalam muzik Iban.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa muzik Iban mempunyai potensi yang besar sebagai aset ekonomi dalam industri kreatif. Sekiranya diperkasa secara sistematik melalui platform digital, strategi pemasaran dan sokongan industri, muzik Iban bukan sahaja mampu mengekalkan warisan budaya, tetapi turut menjana pendapatan serta meningkatkan pengiktirafan budaya di peringkat yang lebih luas. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa muzik Iban memainkan peranan penting sebagai medium pemeliharaan budaya dan sumber ekonomi, sekali gus menjadi elemen penting dalam memastikan kelangsungan identiti budaya masyarakat Iban dalam era globalisasi.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cunningham, S., & Craig, D. (2019). *Social media entertainment: The new intersection of Hollywood and Silicon Valley*. NYU Press.
- Flew, T. (2012). *The creative industries: Culture and policy* (2nd ed.). Sage.
- Frith, S. (1996). Music and identity. In S. Hall & P. du Gay (Eds.), *Questions of cultural identity* (pp. 108–127). Sage Publications.
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural representations and signifying practices*. Sage Publications.
- Hesmondhalgh, D. (2019). *The cultural industries* (4th ed.). Sage.
- Howkins, J. (2001). *The creative economy: How people make money from ideas*. Penguin.
- Kamarudin Ngah, & Rahimah Abdul Aziz. (2017). Industri kreatif dan pembangunan ekonomi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 1–15.
- Kramsch, C. (1998). *Language and culture*. Oxford University Press.
- Peirce, C. S. (1931–1958). *Collected papers of Charles Sanders Peirce* (Vols. 1–8). Harvard University Press.

Sather, C. (2001). *Seeds of play, words of power: An ethnographic study of Iban shamanic chants*. Tun Jugah Foundation.

Sutlive, V. H., Jr. (1992). *The Iban of Sarawak*. S. Abdul Majeed & Co

Taylor, T. D. (1997). *Global pop: World music, world markets*. Routledge.

Throsby, D. (2001). *Economics and culture*. Cambridge University Press.

Towse, R. (2010). *A textbook of cultural economics*. Cambridge University Press

Biodata Penulis:



Dr. Patricia Ganing, M.A., Ph.D. merupakan seorang ahli akademik dan penyelidik dalam bidang Bahasa dan Budaya Iban di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah daripada sebuah universiti terkemuka di Malaysia dengan pengkhususan dalam bidang sastera tradisional masyarakat Iban. Sebelum berkhidmat di UPSI, Dr. Patricia memulakan kerjayanya sebagai guru sekolah rendah selama tiga tahun. Pengalaman sebagai seorang guru telah menjadi asas penting dalam pembentukan pemikiran pendidikan dan akademiknya.

Sepanjang kerjaya akademiknya, Dr. Patricia telah menghasilkan pelbagai buku ilmiah, artikel jurnal dan kertas kerja persidangan yang memberi sumbangan

besar kepada pemeraksanaan bahasa, kesusasteraan dan budaya masyarakat Iban serta warisan budaya Dayak dan Melayu. Antara karya beliau ialah *Entelah: Warisan dan Hubungannya dengan Kepercayaan Masyarakat Iban (2020)*, *Entelah: Leka Main Masyarakat Iban (2021)*, *Pengansah Runding (2024)*, *Tibak Penemu (2024)*, *Novel Keling Kumang (2024)*, *Penguahan Wacana Akademik: Menulis dan Berucap Secara Efektif (2024)*, *Suara Pasrah dari Gua Niah (2025)*, *Filsafat Dayak (2025)*, *Pantun Iban: Jejak Warisan dan Nilai Hidup (2026)* serta *Permainan Tradisional Kanak-Kanak Iban (2026)*. Selain aktif dalam penerbitan buku, beliau turut menghasilkan banyak artikel jurnal dan membentangkan kertas kerja dalam pelbagai seminar serta persidangan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, khususnya dalam bidang bahasa, budaya, kesusasteraan etnik dan warisan masyarakat pribumi. Karya-karya beliau bukan sahaja memperkukuh dokumentasi budaya masyarakat Iban, malah menjadi medium penting dalam usaha pemeliharaan dan penyebaran warisan budaya kepada generasi muda.

Dr. Patricia juga aktif dalam pelbagai seminar, forum ilmiah dan program pendidikan yang berkaitan dengan bahasa, kesusasteraan dan budaya tempatan. Beliau sering dijemput sebagai penceramah akademik bagi membincangkan isu pemeliharaan identiti budaya, kesusasteraan etnik dan warisan masyarakat Dayak. Komitmen dan dedikasi beliau dalam bidang penyelidikan serta penerbitan menjadikan Dr. Patricia antara tokoh akademik yang signifikan dalam usaha memperkukuh dan memartabatkan warisan budaya Dayak di Malaysia.